



**AKTA PERKHIDMATAN POS 2012 (AKTA 741)**  
**POSTAL SERVICES ACT 2012 (ACT 741)**

**LESEN PERKHIDMATAN BUKAN SEJAGAT**  
**NON-UNIVERSAL SERVICE LICENCE**

**ASAL**  
**ORIGINAL**

No. Siri: LPP-1  
Serial No.: LPP-1

No. Lesen: LPP-1/2022/B/8 ( 2 )  
Licence No.: LPP-1/2022/B/8 ( 2 )

MENURUT SEKSYEN 10 AKTA PERKHIDMATAN POS 2012  
*PURSUANT TO SECTION 10 OF THE POSTAL SERVICES ACT 2012*

Lesen adalah diberikan kepada  
*A licence is granted to*

**XEND SDN BHD**  
**(201601001513)**

di mana pejabat berdaftaranya beralamat di:  
*whose registered office is at:*

1st Floor B2 & B3, Jalan Bakar Arang, 08000 Sungai Petani, Kedah

untuk memberi **Perkhidmatan Kurier (Lesen B)**  
*to provide **Courier Service (Licence B)***

berkuatkuasa mulai **01.08.22** hingga **31.07.2025** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

*with effect from **01.08.22** until **31.07.2025** subject to the following conditions:*

---

**DEFINISI DAN PENERANGAN**

- a) Dalam syarat-syarat ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:
- (i) 'Akta' ertinya Akta Perkhidmatan Pos 2012 yang boleh dari masa ke semasa dipinda, ditambah, diubahsuai atau digubal semula.
  - (ii) 'Suruhanjaya' ertinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
  - (iii) 'Perkhidmatan Kurier' ertinya perkhidmatan pos yang disediakan dengan kadar yang cepat dengan perkhidmatan jejak dan kesan.
  - (iv) 'Logo *Expedited Mail Service* (EMS)' ertinya satu logo yang mempunyai unsur-unsur satu sayap berwarna oren, perkataan EMS berwarna biru dan tiga jalur mendatar berwarna oren dan apa juga bentuk yang ditetapkan oleh mana-mana pentadbiran pos negara-negara yang menjadi ahli Kesatuan Pos Sedunia.
- b) Apa-apa jua perkataan atau susunan kata yang telah digunakan dalam syarat-syarat lesen ini hendaklah melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain mempunyai makna yang sama seperti yang terdapat dalam Akta.
- c) Bagi tujuan mentafsirkan lesen ini, tajuk atau kepala kepada mana-mana syarat tidak boleh diambil kira.
- d) Apa-apa rujukan dalam lesen ini kepada mana-mana orang hendaklah juga dianggap termasuk mana-mana pertubuhan yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan.

**A. SYARAT-SYARAT STANDARD:****1. PERUBAHAN PEGANGAN SAHAM, PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

- 1.1 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai pertukaran pengarah, ketua pegawai eksekutif dan apa-apa perubahan dalam struktur pegangan saham *substantial* secepat yang dapat dilaksanakan.

---

## **2. KEPERLUAN KELAYAKAN PENGARAH DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

2.1 Setiap pengarah dan ketua pegawai eksekutif pemegang lesen perlu sentiasa memenuhi keperluan kelayakan yang ditetapkan Suruhanjaya.

## **3. USAHASAMA DAN KONSORTIUM**

3.1 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai usahasama dan konsortium yang melibatkan pemegang lesen.

## **4. MODAL BERBAYAR**

4.1 Pemegang lesen hendaklah memiliki modal berbayar yang mencukupi seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya untuk menyediakan perkhidmatan kurier.

## **5. SKOP PERKHIDMATAN**

5.1 Pemegang lesen hendaklah menyediakan perkhidmatan kurier mengikut skop kelas lesen perkhidmatan bukan sejagat.

## **6. MENYALAH HAK EKSKLUSIF LESEN PERKHIDMATAN SEJAGAT**

6.1 Pemegang lesen tidak boleh menyalahi apa-apa hak eksklusif lesen perkhidmatan sejagat.

## **7. PENGGUNAAN LOGO EMS ADALAH DILARANG**

7.1 Pemegang lesen, agen-agen atau pekerja-pekerjanya adalah dilarang menggunakan logo EMS dalam menjalankan perniagaannya tanpa kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya.

## **8. INTEGRITI PERKHIDMATAN**

8.1 Pemegang lesen hendaklah mengekalkan pada setiap masa integriti sistem teknologi maklumat dan integriti dalam menyediakan perkhidmatan kurier kepada pengguna dan mematuhi piawaian yang ditetapkan Suruhanjaya.

---

**9. PENYIARAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM PERKHIDMATAN**

9.1 Pemegang lesen hendaklah menyiarkan terma dan syarat perkhidmatan termasuklah tatacara pengendalian aduan dalam menyediakan perkhidmatan kurier kepada pengguna.

**10. PERKHIDMATAN PENGHANTARAN SURAT DI BAWAH 500 GRAM**

10.1 Perkhidmatan penghantaran surat yang beratnya di bawah 500 gram adalah tertakluk kepada harga minimum seperti yang ditetapkan Suruhanjaya.

**11. MEKANISMA DAN KAEDAH HARGA**

11.1 Pemegang lesen hendaklah mengambil tindakan yang sesuai untuk memastikan mekanisma dan kaedah yang digunakan untuk penetapan harga penghantaran adalah tepat dan boleh dipercayai.

**12. PERKHIDMATAN JEJAK DAN KESAN**

12.1 Pemegang lesen hendaklah menyediakan perkhidmatan jejak dan kesan dalam menyediakan perkhidmatan kurier.

**13. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG**

13.1 Pemegang lesen hendaklah mematuhi Akta dan apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta dan apa-apa perundangan bertulis lain, yang berkaitan.

**14. PEMATUHAN KEPADA KOD AMALAN INDUSTRI**

14.1 Pemegang lesen hendaklah mematuhi kod amalan industri yang dikeluarkan Suruhanjaya.

**15. PEMATUHAN KEPADA STANDARD KUALITI PERKHIDMATAN**

15.1 Pemegang lesen hendaklah menetapkan dan menyiarkan standard kualiti perkhidmatan kepada pengguna.

- 15.2 Pemegang lesen hendaklah mematuhi standard kualiti perkhidmatan kurier yang telah ditetapkan.
- 15.3 Pemegang lesen hendaklah mengembalikan caj penghantaran yang telah diterima kepada pengguna apabila gagal memenuhi standard kualiti perkhidmatan seperti yang ditetapkan Suruhanjaya.

## **16. PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

- 16.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan keperluan bagi pembangunan modal insan pekerjaanya dilaksanakan.

## **17. KESELAMATAN PEKERJA, BARANG POS DAN RANGKAIAN**

- 17.1 Pemegang lesen hendaklah menjamin keselamatan pekerja-pekerjanya, keselamatan barang pos dan rangkaianannya.
- 17.2 Pemegang lesen hendaklah mematuhi garis panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

## **18. PELAN BENCANA**

- 18.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan pelan bencana kepada Suruhanjaya.

## **19. KEPERLUAN MEMBEKALKAN MAKLUMAT KEPADA SURUHANJAYA**

- 19.1 Pemegang lesen hendaklah membekalkan kepada Suruhanjaya apa-apa dokumen termasuklah akaun-akaun, anggaran-anggaran, penyata-penyata, laporan-laporan atau apa-apa maklumat lain yang diperlukan dan berpatutan dalam menjalankan fungsi yang ditugaskan atau diberikan kepadanya oleh Menteri, dalam bentuk dan pada masa yang diminta oleh Suruhanjaya.

## **20. LAPORAN PRESTASI TAHUNAN**

- 20.1 Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan prestasi tahunan syarikat kepada Suruhanjaya dalam tempoh yang ditetapkan.

## 21. PERTUKARAN ALAMAT

21.1 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya sebarang pertukaran alamat syarikat, cawangan atau agen-agen di bawahnya.

## 22. NOTIS PENYERAHAN BALIK LESEN

22.1 Pemegang lesen hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada Suruhanjaya, tidak lewat daripada satu bulan dari tarikh penyerahan balik lesen seperti yang dicadangkan.

## 23. PEMATUHAN KEPADA AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

23.1 Pemegang lesen hendaklah memastikan data peribadi pengguna tidak didedahkan kepada pihak ketiga dan disimpan mengikut undang-undang di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

## 24. PERKONGSIAN RANGKAIAN OLEH PEMEGANG LESEN

24.1 Pemegang lesen hendaklah mematuhi garis panduan perkongsian rangkaian yang dikeluarkan Suruhanjaya.

## B. SYARAT-SYARAT KHAS DAN TAMBAHAN

### 1. FI LESEN TAHUNAN

1.1 Pemegang Lesen hendaklah membayar kepada Suruhanjaya Fi Lesen tahunan sebanyak **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja (RM10,000)** dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

### 2. SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Pemegang lesen boleh memberikan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

(a) kurier antarabangsa *inbound* ke Malaysia;

- (b) perkhidmatan kurier domestik di mana-mana sahaja, di Malaysia; dan
- (c) apa-apa perkhidmatan lain yang berkaitan.

### 3. PERKHIDMATAN PELANGGAN

- 3.1 Pemegang lesen hendaklah menyediakan perkhidmatan pelanggan yang sesuai dengan operasi perkhidmatan kurier yang dijalankan.
- 3.2 Pemegang lesen hendaklah mematuhi garis panduan perkhidmatan pelanggan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

### 4. PREMIS PERNIAGAAN

- 4.1 Pemegang lesen hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan Suruhanjaya menyediakan sekurang-kurangnya **lima (5) premis perniagaan** bagi kemudahan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan kurier yang disediakan.

Tarikh: ..... 16 / 6 / 2022 .....  
[KKMM.BKM(S) 600-3/4/1 ( 13 )]



**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia